

Kita OK!

BIL. 23 / NOV 2021

#MenangBersama #LindungDiriLindungSemua #MalaysiaPrihatin

KELUARGA MALAYSIA, MAKMUR SEJAHTERA

Bajet 2022 telah dibentangkan oleh Menteri Kewangan, Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz di Parlimen pada 29 Oktober 2021.

Pembentangan bajet berjumlah **RM332.1 bilion** yang menyaksikan nilai peruntukan tertinggi berbanding bajet pada tahun sebelumnya dirangka berdasarkan senario negara yang sedang beralih ke fasa pemulihan daripada krisis pandemik COVID-19.

Bajet ini dirangka hasil daripada program turun padang dan jelajah negeri, perbincangan dengan lebih 30 sesi kumpulan fokus selain kajian terhadap 1,100 memorandum dan hampir 50 ribu cadangan yang diterima melalui portal Bajet 2022.

Lebih bermakna, bajet kali ini telah melalui 80 sesi sumbang saran dalam kalangan pemimpin merentasi doktrin politik demi kemaslahatan negara.

Justeru itu, dengan tema Keluarga Malaysia, Makmur Sejahtera, Bajet 2022 tersemai nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran.

BAJET 2022

BAJET 2022

RM
233.5
bilion

BELANJA
MENGURUS

RM
75.6
bilion

BELANJA
PEMBANGUNAN

RM
23
bilion

KUMPULAN
WANG
COVID-19

Jumlah Peruntukan Keseluruhan
(RM)

332.1 bilion

TIGA PAKSI UTAMA

- Memperkukuh Pemulihan
- Membina Daya Tahan
- Memacu Pembaharuan

3 FOKUS INDUK

- PERTAMA:**
Rakyat Yang Sejahtera
- KEDUA:**
Perniagaan Yang Berdaya Tahan
- KETIGA:**
Ekonomi Yang Makmur dan Mampun

BANTUAN KELUARGA MALAYSIA (BKM)

Kerajaan menambah baik inisiatif bantuan tunai langsung dengan memperkenalkan Bantuan Keluarga Malaysia (BKM) supaya kumpulan yang benar-benar terkesan, diberi lebih tumpuan. Pembaharuan ini telah mengambil kira cadangan yang diterima daripada orang ramai melalui penerbitan Kertas Konsultasi Awam berhubung penambahbaikan bantuan rakyat.

ISI RUMAH		
PENDAPATAN	ANAK	KADAR BANTUAN
<RM2,500 (4 juta penerima)	0	RM1,000
	1-2	RM1,500
	≥3	RM2,000
RM2,501- RM5,000 (0.8 juta penerima)	0	RM400
	1-2	RM600
	≥3	RM800

ISI RUMAH		
	PENDAPATAN	KADAR BANTUAN
BUJANG	<RM2,500 (3.8 juta penerima)	RM350
WARGA EMAS BUJANG/TIADA PASANGAN	<RM5,000 (1 juta penerima)	RM600

TAMBAHAN BANTUAN ISI RUMAH		
	PENERIMA	KADAR BANTUAN
IBU/BAPA TUNGGAL	0.5 juta	RM500
WARGA EMAS	0.9 juta	RM300

RM8.2 BILION
Nilai Keseluruhan
9.6 JUTA
Jumlah Penerima Layak

TAHUKAH ANDA?

- 8** pakej bantuan dan rangsangan ekonomi telah disediakan kerajaan sepanjang menghadapi pandemik dengan jumlah keseluruhan **RM530 bilion.**
- 95%** penduduk dewasa dan **62%** remaja telah divaksinasi sepenuhnya sehingga 29 Oktober 2021.
- Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan diperkasa bagi membekalkan dos ketiga sebagai vaksin penggalak kepada semua orang dewasa di samping meneruskan vaksinasi kepada anak-anak berusia 12 hingga 17 tahun.
- Tambahan **RM4 bilion** khusus untuk meneruskan agenda menangani COVID-19.



BAJET 2022 MEMELIHARA KEBAJIKAN KOMUNITI TUMPUAN

Kerajaan terus giat melaksanakan program-program pembangunan sosioekonomi dan memelihara kebajikan komuniti tumpuan antaranya Orang Kurang Upaya (OKU), wanita dan belia.

ORANG KURANG UPAYA (OKU)

Kebajikan golongan OKU tidak pernah dilupakan. Inisiatif yang tersedia kepada mereka dalam bajet kali ini akan menggalakkan pembangunan dari sudut pemerkasaan dan pengupayaan OKU selaras dengan Pelan Tindakan OKU 2016-2022.



Insentif sebanyak 30% daripada gaji bulanan bagi tempoh enam bulan pertama 40% bagi enam bulan berikutnya

Kuota khas sebanyak 1% untuk program Mystep kepada golongan OKU

Semua rangkaian TV termasuk saluran swasta akan menyediakan jurubahasa isyarat

RM 100 juta

Pusat Latihan Berdikari serta sebuah Pusat Latihan Perindustrian dan Pemulihan Kerajaan

Tertakluk kepada pekerjaan bergaji RM 1,200 ke atas

Bagi meningkatkan akses kepada golongan OKU mengenai berita semasa dan informasi terkini

Bagi melaksanakan program latihan dan bimbingan ajar kepada golongan OKU



Kerajaan menanggung sepenuhnya bayaran Lesen Kenderaan Bemotor kepada semua kenderaan persendirian yang dimiliki oleh OKU



RM30 juta

Menaik taraf infrastruktur bangunan Kerajaan supaya mesra OKU



Diperuntukkan kepada Majlis Sukan Negara bagi meningkatkan program latihan atlet OKU dan melaksanakan Liga Sukan OKU

BAJET 2022 MEMELIHARA KEBAJIKAN KOMUNITI TUMPUAN

BELIA

Terdapat lebih daripada 20 insentif disediakan kepada golongan belia pada tahun hadapan yang dapat dimanfaatkan secara langsung atau tidak langsung.



RM900/sebulan

*Bagi tempoh 6 bulan

Insentif kepada majikan yang menggaji perantis lepasan sekolah dan graduan berumur 18-30 tahun



RM 150juta


Pelan Pembiayaan disediakan bagi belia yang menceburi bidang keusahawanan



RM 150

Akan dikreditkan secara one-off ke dalam akaun e-dompot belia

Melibatkan belia yang berumur 18-20 tahun, dan pelajar sepenuh masa di IPT



RM450 juta

Inisiatif PerantiSiswa Keluarga Malaysia

- Pemberian tablet bagi setiap pelajar IPT B40
- 600,000 mahasiswa penerima manfaat



Diskaun

Bayaran Balik Pinjaman PTPTN

- 15% atas baki hutang untuk penyelesaian penuh pinjaman
- 12% untuk bayaran 50% daripada baki hutang dalam sekali bayaran
- 10% untuk bayaran balik melalui potongan gaji atau debit terus mengikut jadual



RM6.6 bilion

Pemeriksaan Bidang TVET

Disediakan untuk pelbagai inisiatif dibawah Kementerian dan agensi-agensi berkaitan



RM200 juta

Tambahan untuk program usaha sama dengan industri

Termasuk Skim Latihan Dual Nasional dan Program Persijilan Industri

WANITA

Peranan wanita terus diperkasa dalam sektor ekonomi, kesihatan dan kebajikan. Bajet ini juga lebih mesra kepada kaum ibu bekerja dengan bantuan sistem sokongan yang ditambah baik.



RM80 juta

Program Kasih Suri Keluarga Malaysia bagi memberi perlindungan sosial kepada suri rumah dan balu hingga umur 55 tahun, melalui caruman ke KWSP dan PERKESO




RM230 juta

Dana pembiayaan disediakan melalui Program DANITA di bawah MARA dan TEKUNITA di bawah TEKUN bagi membantu usahawan wanita yang terkesan akibat COVID-19




RM30 juta

Untuk kemudahan taska di bangunan-bangunan kerajaan buat kaum ibu bekerja, terutamanya di hospital dan universiti awam



Pelantikan

Sekurang-kurangnya seorang pengarah wanita bagi semua syarikat senaraian awam, berkuat kuasa pada 1 September 2022 bagi syarikat bermodal besar dan 1 Jun 2023 bagi syarikat tersenarai lain



RM5juta

Kepada Yayasan Kepimpinan Wanita melalui Latihan kepimpinan muda dan program keusahawanan



Program MyKasih Kapital

Bagi menggalakkan wanita menjana pendapatan dari rumah melalui bantuan asas modal perniagaan dan program bimbingan bagi perniagaan secara dalam talian

Sumber: Teks Ucapan Bajet 2022

APA KATA ORANG RAMAI?



“ Kerajaan tawarkan pakej-pakej untuk pulihkan atau buka perniagaan baharu. Ini akan membantu peniaga yang terjejas seperti saya. ”

Ang Siew Fei
Peniaga PKS



“ Kerajaan meneruskan inisiatif seperti mendirikan rumah kos rendah untuk beri kelebihan kepada golongan muda seperti saya memiliki rumah. ”

Idham Ishak
Pembeli Rumah Pertama



“ Kerajaan memberikan Insentif Khas Alat Bantuan Mengajar kepada guru yang menyediakan bahan mengajar tambahan semasa tempoh pandemik. ”

Mohamad Ikmal Ibrahim
Guru

